

Ketakutan Pelancong Semasa Acara Hiburan di Kuala Lumpur

Tourists' Fear During Entertainment Event in Kuala Lumpur

MUHAMMAD YASIN HARAHAP ARSALAN^{1*} & FAUZIAH CHE LEH¹

¹Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author: *muhd.yasinhrrhp@gmail.com

Published online: 28 September 2021

To cite this article (APA): Arsalan, M. Y. H., & Che Leh, F. (2021). Tourists' Fear During Entertainment Event in Kuala Lumpur. *GEOGRAFI*, 9(2), 21-45. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol9.2.2.2021>

ABSTRAK *Kajian ini bertujuan untuk meneliti ketakutan pelancong semasa acara hiburan di Kuala Lumpur iaitu Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 dan Tahun Melawat Malaysia. Kajian ini meneliti ruang yang difahami oleh pelancong sebagai menakutkan dan tidak selamat di kawasan pelancongan bandar Kuala Lumpur. Penyelidikan kualitatif ini menggunakan dua kaedah kajian iaitu temu bual dan photovoice. Temu bual separa berstruktur dijalankan bersama dua puluh dua (22) orang pelancong domestik dan antarabangsa. Tiga (3) orang peserta kajian bersetuju untuk melibatkan diri dalam photovoice dengan mengambil gambar perasaan takut mereka di ruang yang digunakan semasa menghadiri acara hiburan dengan menggunakan kamera pakai buang yang dibekalkan oleh pengkaji. Penganalisan data kualitatif dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Terdapat tiga (3) tema terhasil yang menunjukkan ketakutan pelancong daripada kajian ini iaitu; ruang yang sesak, laluan pejalan kaki yang gelap dan kewujudan manusia yang dilihat asing dan mengancam di ruang tertentu menyebabkan pelancong berasa tidak selamat semasa menghadiri acara hiburan di Kuala Lumpur. Dapatan ini berupaya untuk digunakan oleh pihak yang berkepentingan dalam penganjuran acara hiburan pada masa akan datang ke arah mewujudkan rasa selamat pengunjung di bandar pelancongan.*

Kata kunci: Geografi ketakutan, pelancong, acara hiburan, Kuala Lumpur

ABSTRACT *This study aims to examine tourists' fear during entertainment events in Kuala Lumpur, i.e., the 2020 New Year celebration and Visit Malaysia. The study examined the spaces perceived as intimidating and unsafe by tourists in the tourist area of Kuala Lumpur. Two methods were used in this qualitative study, namely interview and photovoice. Semi-structured interviews were conducted with twenty-two (22) domestic and international tourists. Three (3) of the participants agreed to participate in the photovoice by taking pictures of their fear in the space used for entertainment events using disposable cameras provided by the researcher. The analysis of qualitative data was implemented using ATLAS.ti software. There are three (3) themes that*

emerged from this research: crowded spaces, dark walkability, and the existence of people perceived as stranger and threatening in certain spaces make tourists feel unsafe when attending entertainment events in Kuala Lumpur. These findings can be used by stakeholders in organising entertainment events in the future to create a sense of safety for visitors in city tourism.

Keywords: Tourist' fear, tourist, entertainment event, Kuala Lumpur

1. Pengenalan

Sektor pelancongan terbukti sebagai pemacu utama ekonomi Malaysia dalam sektor perkhidmatan dengan menyumbang 15.2% daripada KDNK pada tahun 2018 dan dikenal pasti sebagai sumber utama pendapatan tukaran asing (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Malaysia telah menerima kedatangan pelancong seramai 26.1 juta orang pelancong pada tahun 2019 berbanding 25 juta orang pelancong pada tahun 2018 (Tourism Malaysia & Jabatan Imigresen, 2020). Bilangan pelancong domestik yang melancong ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula pada tahun 2017 adalah seramai 3.6 juta orang pelancong dan meningkat 3.9 juta orang pelancong pada tahun 2018. Pada tahun 2018 juga, Kuala Lumpur disenaraikan sebagai bandaraya ke tujuh paling banyak yang dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia berasaskan Indeks Master Card Global Destination Cities (Laporan Tahunan Tourism Malaysia, 2018). Pelancong domestik dan antarabangsa yang datang ke pusat bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2018 menunjukkan aktiviti membeli belah sebagai aktiviti utama semasa bercuti, dengan peratusan sebanyak 98.5% dan peningkatan 37.7% berbanding tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh aktiviti bersiar-siar di kawasan bandar dengan jumlah 94.6% dan tarikan aktiviti malam serta hiburan sebanyak 25.0% (Laporan Tahunan Tourism Malaysia, 2018). Oleh itu, jelas bahawa pelancongan bandar di Kuala Lumpur berupaya menawarkan pelbagai aktiviti yang menguntungkan dalam sektor pelancongan.

Di samping pelbagai aktiviti yang menjadi tarikan sejumlah besar pelancong berkunjung ke Kuala Lumpur, keselamatan pelancong semasa berkunjung juga perlu diambil perhatian. Donaldson dan Ferreira (2009) menyatakan bahawa keselamatan adalah faktor utama dalam mengembangkan sektor pelancongan bandar yang lebih kompetitif. Kuala Lumpur mempunyai isu dari segi keselamatan sebagaimana yang digambarkan oleh halaman yang terkenal dalam kalangan pelancong iaitu *Tripadvisor*, telah menyenaraikan bandar ini sebagai tidak selamat kerana kadar jenayah yang tinggi. Tambahan lagi, berdasarkan data The Economist Intelligence Unit (The EIU) (2021), Kuala Lumpur menduduki tempat ke-32 pada Indeks Bandar Selamat 2021 (Safe Cities Index 2021) daripada 60 buah bandar lain. Statistik juga menunjukkan Kuala Lumpur berada pada jenayah indeks melebihi paras nasional pada 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Ini menunjukkan bandar Kuala Lumpur masih dalam kategori tidak selamat.

Di sesetengah kawasan bandar Kuala Lumpur, ruang jalan adalah ruangan yang paling ditakuti oleh penggunaannya (Sahdan et al., 2013). Ruang ini sering kali dikaitkan dengan jenayah ragut, pergaduhan antara kumpulan samseng, perlakuan anti-sosial dan insiden berkaitan dadah yang kesemuanya memainkan peranan dalam menyebabkan seseorang berasa tidak selamat di jalan dan menimbulkan rasa ketakutan (Sahdan et al., 2013). Kawasan yang mempunyai masalah sosial seperti kewujudan graffiti, sampah sarap, sekumpulan pemuda atau golongan yang bergelandangan di jalanan memberi petunjuk bahawa ruang tersebut tidak dipelihara atau dikawal sama ada secara formal oleh polis, atau secara tidak formal oleh penduduk setempat, pemilik kedai dan sesiapa yang berkaitan (Sahdan et al., 2013). Selain itu, dapatan kajian Ahmad et al. (2015) menunjukkan 99% responden berpendapat bahawa berjalan-jalan di Kuala Lumpur pada waktu siang adalah sangat selamat namun persepsi ini menurun kepada 15% pada waktu malam.

Dalam membincangkan perkaitan antara kawasan pelancongan bandar dengan jenayah, George (2003) menegaskan bahawa kawasan yang mencatatkan kes jenayah yang tinggi adalah berisiko kepada pelancong kerana sering menjadi sasaran jenayah. Hal ini menyumbang kepada persepsi awal yang buruk oleh pelancong terhadap Kuala Lumpur serta berupaya membentuk perasaan takut semasa melawat bandar tersebut.

Kedatangan sejumlah besar pelancong ke sesebuah acara hiburan dapat mewujudkan suasana yang menyebabkan pelancong terdedah menjadi mangsa kepada penjenayah. Perkaitan antara pelancongan dan acara hiburan seperti isu keselamatan kurang mendapat perhatian dalam kajian-kajian lepas terutama dari aspek jenayah di destinasi yang berlangsungnya acara hiburan (Hall et al., 1995; Barker, 2002). Malah Barker (2002) menyatakan terdapat kekurangan dalam kajian yang berkait dengan tingkah laku pelancong di destinasi pelancongan bandar semasa berlangsungnya acara khas. Didapati kajian tentang persepsi pelancong terhadap keselamatan diri mereka dan keselamatan dalam industri pelancongan banyak disentuh oleh pengkaji lepas (Richard & Irma, 2014; Logeswaran et al., 2015; Tan et al., 2017; Agnieszka, 2017).

Data PDRM menunjukkan bahawa kesalahan jenayah, narkotik dan memandu di bawah pengaruh alkohol sering berlaku ketika acara hiburan seperti ambang Merdeka dan sambutan tahun baru di Kuala Lumpur (Shawaliah, 2021). Ini dapat dilihat melalui Ops Bersepadu Pencegahan Jenayah sempena sambutan ambang tahun baru dan ambang Merdeka yang saban tahun sering dilaksanakan bagi mengawal keselamatan pelancong dan pengguna jalan raya di sekitar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, data kajian secara terperinci tentang keselamatan pelancong semasa acara hiburan tempatan masih terdapat kekangan untuk dicari dan dikaji.

Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif dengan kaedah pemerhatian serta *Photovoice* untuk menginterpretasikan perasaan ketakutan pelancong melalui kaedah visual digunakan. Kajian kualitatif merupakan satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada gambaran

yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semulajadi (Creswell, 1994; Othman, 2009). Kajian ini dijalankan semasa berlangsungnya acara hiburan Ambang Tahun Baharu 2020 dan Perasmian Tahun Melawat Malaysia 2020 di Kuala Lumpur. Acara hiburan ini menjadi peristiwa penting bagi mengkaji persepsi keselamatan pelancong berikutan ia adalah acara terbesar yang buat pertama kalinya dijalankan secara serentak dan melibatkan pelancong antarabangsa dan domestik sebagai pengunjung utama. Maka dengan itu, aspek keselamatan diri pelancong amat dititikberatkan semasa acara ini berlangsung. Justeru, kajian berkenaan dengan perasaan dan pengalaman pengunjung terhadap keselamatan diri mereka semasa menghadiri acara hiburan di Kuala Lumpur adalah penting dalam memberi persepsi awal kepada pelancong-pelancong lain yang akan hadir untuk acara hiburan yang akan datang.

2. Kajian Literatur

2.1 Geografi Ketakutan dan Pelancong

Geografi ketakutan atau *Geography of fear* merujuk kepada kawasan atau tempat yang memberi indikator dan difahami sebagai menakutkan dan berbahaya oleh seseorang (Modly, 2009). Ketakutan terhadap tempat menyebabkan manusia menjauhi kawasan yang dirasakan memberi ancaman dan tidak selamat kepada diri sendiri. Menurut Sahdan (2013), geografi ketakutan dikenali sebagai pengalaman yang tidak dikehendaki atau pengganggu kepada perhubungan manusia dan tempat yang terhasil sebagai bentuk produksi sosial secara kolektif. Cucu (2011) menjelaskan, ketakutan terhadap tempat menyebabkan manusia menghindari dan mengubahsuai ruangan serta mencari kawasan yang lebih selamat. Ketakutan adalah istilah yang digunakan secara sosial dan akademik bagi menunjukkan emosi yang disebabkan oleh bahaya yang akan berlaku dan membataskan keinginan diri seseorang semasa berinteraksi dengan ruang (Erica & Donna, 2008).

Dalam konteks pelancongan bandar yang dibincangkan dalam makalah ini, geografi ketakutan merujuk kepada ruang pelancongan bandar yang mewujudkan rasa ketakutan atau ancaman kepada diri pelancong, menyebabkan mereka cuba untuk mengelakkan diri daripada berinteraksi dengan ruang yang dilawati. Geografi ketakutan dalam kalangan pelancong berpotensi membentuk kepada perubahan tindakan pelancong yang bukan sekadar memendekkan waktu lawatan malah membatalkan lawatan. Perkara ini memberi kesan kepada destinasi yang dilawati apabila kurangnya pengunjung yang datang serta kesan terhadap sosio-ekonomi setempat dikawasan yang dilawati. Geografi ketakutan berlaku berasaskan persepsi sosial terhadap ancaman di kawasan sekeliling (Herbert & Brown, 2006). Dalam makalah ini, geografi ketakutan merujuk kepada hubungan antara ketakutan

dan ruang pelancongan bandar ke arah usaha memadamkan perasaan takut pelancong semasa menikmati percutian.

Pelancong adalah golongan yang mudah menjadi sasaran kepada penjenayah. Penyumbang kepada keterancaman pelancong adalah disebabkan oleh ciri-ciri yang ditunjukkan oleh pelancong dan pandangan masyarakat terhadap mereka. Pelancong mudah dilihat sebagai orang luar dan kurang yakin dalam persekitaran yang tidak menjadi kebiasaan. Ahmad Fitri et al. (2015) mendapati pelancong terdedah kepada jenayah kerana mereka adalah pelawat sementara dan berada dalam persekitaran yang bukan kebiasaan mereka. Oleh itu, pelancong sukar untuk membezakan kawasan yang selamat dan tidak selamat semasa melakukan lawatan. Berada di tempat asing menyebabkan pelancong terancam kepada pelbagai risiko termasuklah jenayah sebagaimana yang diujahkan Ahmad Fitri et al. (2015), pelancong sering dianggap agresif dan tidak peka terhadap perasaan penduduk apabila mereka gagal mengenali serta mengikuti budaya tempatan. Sekiranya perkara ini terjadi, ia boleh mengakibatkan berlakunya keganasan dan masalah jenayah. Oleh yang demikian beliau menyimpulkan bahawa, persepsi tentang keselamatan pelancong adalah seperti berikut:

- i. Keselamatan
- ii. Reka bentuk laluan pejalan kaki
- iii. Penyediaan sistem rakaman kamera litar tertutup (CCTV)
- iv. Papan tanda atau papan arah
- v. Bilangan lampu dan sistem pencahayaan
- vi. Maklumat keselamatan
- vii. Bilangan anggota polis dan anggota keselamatan yang bertugas

Selain itu, pelancong sering menjadi mangsa penjenayah kerana identiti diri mereka yang mudah dikenalpasti, dengan hanya melihat cara berpakaian yang berbeza dengan komuniti tempatan (Crotts, 1996; Hrvoje & Ivana, 2019). Manakala, perbezaan warna kulit, bentuk tubuh serta bahasa semasa berkomunikasi juga mudah menunjukkan diri mereka bukannya penduduk asal. Hal ini menyebabkan pelancong mudah diambil kesempatan termasuklah dari pengusaha pengangkutan awam sendiri. Jelas Tan et al. (2017) bahawa, sebilangan pemandu teksi di Malaysia didapati terbabit dengan masalah jenayah yang melibatkan pelancong asing dan antarabangsa. Pemandu teksi sering membawa pengguna dengan jalan yang jauh dan mengenakan tambang yang terlalu tinggi kepada pengguna. Pelancong yang bergerak sendirian dan pelancong wanita adalah kategori pelancong yang terancam semasa berada di kawasan bandar, terutama di lokasi yang sunyi dan tidak diuruskan dengan baik atau kawasan tumpuan ramai (seperti kawasan kajian) biasanya boleh mengakibatkan berlakunya kes pembunuhan atau rogol yang membabitkan pelancong sebagai mangsa (Ahmad Fitri et al., 2015). Ketakutan terhadap jenayah ini boleh menghalang tingkah laku dan gaya hidup individu dan mendorong tingkah laku *defensive* untuk memastikan pelancong lebih berwaspada

terhadap masalah jenayah di sekitarnya (Barker & Page, 2002). Berdasarkan kenyataan ini jelaslah bahawa ketakutan yang paling teruk antara ketakutan lain yang dialami oleh pelancong ialah ketakutan terhadap jenayah terutama yang membabitkan keselamatan diri dan ahli keluarga.

Pelancong dilihat sering membawa jumlah wang yang banyak, kad kredit dan barangan peribadi seperti kamera dan telefon bimbit bernilai tinggi (Crotts, 1996; Hrvoje & Ivana, 2019), serta dianggap sebagai individu yang kaya terutama ketika melancong ke negara-negara yang miskin (Brunt et al., 2000). Ini diburukkan lagi dengan kecuaiannya daripada diri pelancong itu sendiri yang telah membuka peluang kepada penjenayah untuk mengambil kesempatan. Hal ini demikian kerana, tujuan pelancong datang ke sesebuah negara hanyalah sekadar untuk bersuka ria dan bergembira, jarang bagi individu pelancong untuk memikirkan soal keselamatan ketika melakukan lawatan. Ini juga dinyatakan oleh Michalko (2003) bahawa, pelancong yang datang dari negara maju yang mempunyai tahap keselamatan yang baik cenderung menganggap keselamatan di negara yang dikunjungi juga adalah selamat seperti berada di negara sendiri. Tuntasnya, risiko seperti masalah jenayah, kesihatan dan keselamatan mempengaruhi industri pelancongan negara. Pengabaian langkah-langkah keselamatan semasa berada di ruang pelancongan membuka peluang yang luas kepada penjenayah untuk melakukan serangan.

Lebih memburukkan keadaan, pelancong yang menjadi sasaran jenayah tidak membuat laporan kepada pihak berkuasa kerana mereka menganggap sukar mendapatkan semula barangan peribadi mereka yang hilang dan tiada guna untuk membuat laporan (Agnieszka, 2017) kerana; kebanyakan pelancong tidak menyedari bahawa diri mereka telah menjadi mangsa kepada jenayah, seperti penyeluk saku. Hal ini kerana, sikap waspada pelancong adalah rendah semasa pergi bercuti, kadangkala pelancong tidak tahu apa yang perlu dilakukan apabila berhadapan dengan masalah jenayah. Pelancong dikatakan tidak tahu saluran yang sepatutnya perlu dirujuk dan kepada siapa untuk membuat laporan. Maka, jelas bahawa fokus kajian geografi ketakutan dalam kalangan pelancong amat penting agar suara mereka didengari dan ruang yang memberi ancaman kepada mereka dapat ditambah baik ke arah yang lebih memberi jaminan keselamatan.

2.2 Pelancongan Selamat

Pelancongan selamat merujuk kepada keselamatan diri pelancong dan harta benda, termasuklah kebolehan untuk mengetahui arah dalam persekitaran asing, memahami tanda sistem tempatan, petunjuk dan konvensyen sosial serta keselamatan perkhidmatan pengguna dan membeli belah (Michalko, 2003). Yuksel dan Yuksel (2007) menyatakan keselamatan menjadi perkara utama yang difikirkan oleh setiap pelancong dan menjadi kriteria untuk sesebuah operasi pelancongan yang berjaya. Keselamatan dan jaminan merupakan aspek penting untuk pembangunan seluruh destinasi pelancongan (Siti Suryati & Mohd Iqbal, 2018). Merujuk kepada George (2003) bahawa, sekiranya pelancong mempunyai

pengalaman dan perasaan tidak selamat di destinasi pelancongan yang dikunjungi, mereka akan mempunyai persepsi negatif tentang destinasi itu sendiri. Oleh yang demikian, sekiranya pelancong mempunyai perasaan selamat di destinasi pelancongan yang dilawati, ianya akan mempunyai persepsi yang baik terhadap destinasi tersebut. Perasaan selamat semasa bercuti dapat mempengaruhi kesempurnaan lawatan di satu-satu destinasi dan berupaya untuk menghindari dari destinasi tertentu yang dirasakan tidak selamat. Jelaslah bahawa, pengalaman manis yang dilalui oleh pelancong semasa melawat di destinasi pelancongan berupaya untuk membuat lawatan ulangan pada masa akan datang. Sebaliknya, pelancong yang berhadapan dengan pengalaman yang mengerikan dan memberi kesan trauma tidak lagi mencadangkan kepada yang lain dan membuat lawatan ulangan di destinasi yang sama pada masa akan datang.

Persekitaran kawasan pelancongan bandar yang selamat memainkan peranan penting bagi mengurangkan perasaan takut dalam kalangan pelancong semasa melawat ke Kuala Lumpur. Arinah et al. (2015) menggariskan tiga (3) kategori konsep pelancongan bandar selamat yang dikenali seperti aktiviti pada waktu malam, pelancong dan pengguna pengangkutan awam. Kategori yang digariskan tersebut telah dikenali sebagai penyumbang kepada faktor berlakunya jenayah di kawasan bandar dan perlu ditangani segera bagi mewujudkan sebuah pelancongan bandar yang selamat. Penganjuran acara hiburan pada waktu malam perlu menitikberatkan kemudahan fizikal seperti CCTV, sistem pencahayaan yang baik dan menempatkan petugas yang terdiri daripada anggota keselamatan di sepanjang penganjuran acara hiburan yang berlangsung agar dapat mengurangkan rasa takut terhadap jenayah pada waktu malam. Malam adalah waktu paling mencabar bagi seseorang pelancong kerana perlu berhadapan dengan rasa takut terhadap jenayah dan keganasan. George (2003) menyatakan bahawa pelancong tidak akan mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti sekiranya mereka merasakan tidak selamat di sesebuah destinasi. Oleh yang demikian, penting di setiap destinasi pelancongan bandar menitikberatkan ciri keselamatan dengan menambahbaik kemudahan fizikal dalam memastikan setiap ruang sedia ada tidak sunyi dan gelap yang berpotensi tinggi menjadikan pelancong sebagai mangsa terhadap jenayah.

Ruangan yang dilengkapi dengan infrastruktur, kemudahan, penginapan, tarikan dan keselamatan, penting untuk memastikan lokasi pelancongan dapat memenuhi permintaan dan keperluan pelancong. Lokasi pelancongan bandar yang selamat penting bagi memastikan perkhidmatan pelancongan yang disediakan dapat diterima baik oleh pelancong. Ahmad Fitri et al. (2015) yang meneroka persepsi pelancong wanita antarabangsa tentang keselamatan mereka mendapati bahawa di Malaysia, ancaman keselamatan terhadap pelancong terdiri daripada golongan gelandangan, pengemis, pendatang asing tanpa izin atau pekerja seks. Kebanyakan pelancong juga sedar bahawa diri mereka mungkin berisiko mengalami kecederaan fizikal yang disebabkan oleh bahaya (Nurin & Faiz, 2019). Tambahnya lagi, imej tempat yang dipegang oleh pelancong juga mungkin mempengaruhi

kepada proses pemilihan tempat atau tujuan berdasarkan daya tarikan serta mempengaruhi kualiti dan kepuasan yang diinginkan. Oleh itu, ciri-ciri visual reka bentuk kawasan pelancongan bandar berpotensi menentukan sesebuah tempat tersebut menakutkan atau selamat berdasarkan keadaan fizikal dan keadaan sosialnya. Sehubungan itu, reka bentuk persekitaran fizikal yang terperinci boleh mempengaruhi perubahan tingkah laku pelancong dan mengurangkan perasaan takut terhadap jenayah. Keselamatan adalah aspek yang perlu diberi perhatian penuh, terutama kepada pemegang taruh yang terdiri daripada pasukan keselamatan dalam memastikan industri pelancongan supaya dapat meningkatkan kedatangan pelancong untuk melawat ke Malaysia terutama semasa acara hiburan berlangsung.

Jenayah adalah keadaan yang sering dilaporkan berlaku di tempat-tempat pelancongan dan masalah jenayah tertentu boleh menjadi ancaman kepada pelancong asing dan domestik. Jenayah mendorong kepada rasa takut yang dipengaruhi oleh reka bentuk visual yang kurang menyenangkan, sama ada dalam bentuk gambaran kawasan bangunan yang terbiar atau tidak diselenggara dengan baik, kaki lima pejalan kaki yang dipenuhi pengemis dan gelandangan yang menyebabkan seseorang berasa asing. Dalam waktu yang sama, jalan yang gelap dan sunyi juga berpotensi tinggi untuk berlakunya kegiatan jenayah dan masalah keganasan (Fauziah, 2021). Sementara itu, Lembah Klang bukanlah sebuah bandar yang mesra pejalan kaki berikutan kelemahan dalam reka bentuk, penyelenggaraan yang lemah, darjah ketersampaian dan perhubungan yang rendah (Norsidah & Zulkifli, 2014). Boakye (2012) yang mengkaji tentang pandangan pelancong terhadap keselamatan di Ghana telah mendapati bahawa, pelancong mempunyai perasan paling tidak selamat di kawasan tarikan pelancong berbanding dengan tempat tinggal mereka dan di tempat terbuka. Hal ini menunjukkan bahawa reka bentuk, fungsi dan daya tarikan dapat menentukan perasaan selamat dan keselesaan pelancong atau wujudnya perasaan takut semasa berada di ruang tersebut. Pengetahuan dan maklumat awal tentang sesuatu destinasi yang akan dikunjungi sangat penting bagi individu pelancong supaya berasa lebih selamat khususnya di kawasan tumpuan orang ramai.

Rasa selamat boleh ditingkatkan melalui penggunaan alatan keselamatan seperti CCTV, sistem pencahayaan yang baik serta menempatkan anggota keselamatan di setiap destinasi pelancongan bandar. Hal ini demikian kerana, kegiatan pelancongan bandar harus mengandungi unsur-unsur yang bebas dari rasa takut terhadap jenayah ketika melakukan lawatan. Ini kerana ia mampu mendorong kepada kunjungan ulangan pada masa akan datang serta boleh dijadikan sebagai bahan promosi oleh pelancong dari mulut ke mulut. Pelancong perlu berasa selamat semasa bersiar dan semasa menggunakan semua kemudahan di kawasan pelancongan bandar. Rasa selamat membolehkan pelancong selesa dan bebas melakukan lawatan tanpa perlu memikirkan risiko jenayah. Oleh itu, konsep pelancongan bandar yang selamat adalah penting sebagai salah satu faktor yang

dapat meningkatkan peratusan pelancong untuk melawat di kawasan pelancongan bandar pada masa akan datang.

Priscilla dan Jenifer (2015) dan Siti Suryati dan Mohd Iqral (2018) menyatakan keamanan dan layan tamu saling berkait dalam aspek perjalanan dan pelancongan, manakala peperangan dan suasana tidak selamat merupakan ancaman yang paling teruk. Oleh itu, keselamatan diri dan harta benda pelancong merupakan kriteria utama bagi sesebuah operasi pelancongan yang berjaya. Tan et. al (2017) juga menegaskan, kajian tentang pelancongan sebelum ini menunjukkan pelancong antara individu yang sering terdedah dengan pelbagai risiko dan penentuan destinasi pelancongan tidak hanya tertumpu kepada nilai sesebuah tempat dan gambarannya semata-mata, tetapi juga harus menekankan soal keselamatan diri yang dihadapi oleh pelancong. Sejak kebelakangan ini, aspek keselamatan menjadi isu yang serius dalam kalangan pelancong, terutama yang melibatkan bandar pelancongan di Malaysia (Jeyaul, 2017). Setiap tahun statistik jenayah di Malaysia terus menunjukkan penurunan. Walau bagaimanapun, segelintir pelancong masih mempunyai perasaan bimbang dan perlu memikirkan soal keselamatan apabila berada di ruang bandar yang boleh memberi rasa tidak selamat kepada diri mereka. Ruang harus dilengkapi kemudahan yang memenuhi keperluan pelancong di destinasi pelancongan, terutama dalam konsep destinasi mesra pelancongan (Hudson, 1998). Jenayah di kawasan pelancongan dapat dikurangkan dengan memberi kepercayaan kepada anggota polis menjaga keselamatan di kawasan pelancongan dan persekitaran awam yang bersih terutama di kawasan sistem pengangkutan awam dan kemudahan tempat letak kenderaan (Mawby et al., 2016). Ruangan yang dilengkapi dengan infrastruktur, kemudahan, penginapan, tarikan dan lain-lain, adalah penting dalam memastikan lokasi mesra pelancongan yang dapat memenuhi permintaan dan keperluan pelancong.

2.3 Keselamatan dan Acara Hiburan

Meskipun pelancong tidak menjadi mangsa terhadap jenayah tetapi, mungkin pelancong mempunyai perasaan takut terhadap keselamatan diri mereka dan ahli keluarga yang dipengaruhi oleh faktor jenayah dan reka bentuk fizikal semasa di acara hiburan. Kajian literatur yang masih terhad terhadap keselamatan semasa acara hiburan boleh membawa kepada kurangnya pemahaman pengurusan acara yang lebih berkesan dalam menangani ketakutan dan menjamin keselamatan pengunjung ke acara tersebut. Barker et al. (2003) dalam kajiannya menunjukkan penganjuran acara khas di Auckland, New Zealand semasa berlangsungnya Piala Amerika telah mendapati reka bentuk persekitaran, kewujudan anggota polis yang mengawasi kawasan penganjuran dan kehadiran pelancong ke acara tersebut telah mewujudkan persekitaran penganjuran acara yang lebih selamat kepada setiap pengunjung yang hadir. Kewujudan pasukan keselamatan seperti polis dalam acara

khas ini telah memberi keyakinan kepada pelancong antarabangsa terhadap keselamatan diri mereka. Walaubagaimanapun, Barker et al. (2003) mendapati terdapat penemuan berbeza dalam kalangan pelancong domestik di mana persepsi kurang baik terhadap keselamatan diri mereka semasa acara khas di Auckland adalah lebih tinggi berbanding pelancong antarabangsa yang lebih berasakan ruang acara khas tersebut berada dalam keadaan yang selamat untuk dilawati. Hal ini mungkin disebabkan keadaan pelancong antarabangsa yang tidak memahami secara mendalam permasalahan yang sering berlaku di kawasan dilawati berbanding dengan pelancong domestik. Pelancong domestik lebih memahami persekitaran kawasan tempat yang dilawati berikutan berada dalam negara yang sama. Ini juga dikaitkan kurangnya pemahaman dan kepekaan khususnya pelancong antarabangsa terhadap permasalahan dan halangan yang berlaku di sesebuah tempat. Perasaan selamat ini juga dipengaruhi oleh pencahayaan yang baik di ruang acara (Evans et al., 2002). Sementara itu, kajian lepas Barker (2000) juga pernah menjelaskan bahawa, persepsi pelancong terhadap keselamatan semasa berlangsungnya acara khas boleh ditingkatkan dengan kehadiran anggota polis yang ditempatkan di kawasan penganjuran acara.

Kehadiran pelancong ke sesebuah acara dapat mewujudkan suasana yang pelbagai dan pelancong berpotensi menjadi mangsa kepada jenayah (Michael & Stephen, 2002). Kebanyakan acara hiburan dianjurkan pada waktu malam dan berkonsep terbuka. Waktu malam bagi pelancong dan pelawat adalah waktu paling mencabar berikutan perlu melawan perasaan takut yang mungkin dipengaruhi oleh keadaan fizikal dan persekitaran sosial acara hiburan. Michael dan Stephen (2002) melaporkan, 93% pelancong berasa selamat pada waktu siang. Walaubagaimanapun ia menurun kepada 56% pelancong sahaja yang berasakan selamat pada waktu malam. Perasaan tidak selamat pada waktu malam dilihat lebih ketara dalam kalangan pelancong wanita berbanding pelancong lelaki. Hal ini menunjukkan persepsi keselamatan dalam kalangan pelancong wanita secara keseluruhannya adalah lebih rendah berbanding pelancong lelaki. Ahmad Fitri et. al (2015) juga menunjukkan perkaitan masa dan waktu lawatan di mana, 99% responden dalam kajiannya berpendapat berjalan di Kuala Lumpur pada waktu siang adalah sangat selamat sementara 15% pelancong merasakan bersiar pada waktu malam di bandaraya Kuala Lumpur adalah selamat. Ini menunjukkan 85% pelancong mempunyai perasaan tidak selamat pada waktu malam di bandaraya ini. Dalam pada itu, pengkaji Maria Bras (2015) dalam kajiannya "*tourist and crime - why tourist become victims*" mendapati hubungan antara jenayah dan pemilihan waktu melancong adalah saling berkaitan. Waktu malam adalah masa yang paling bahaya terutama melibatkan pelancong wanita dan pelancong yang bergerak secara sendirian. Hal ini ditambah lagi dengan kurangnya pengetahuan terhadap ruang dan tanda arah yang dapat membantu pelancong untuk bergerak dalam keadaan selamat. Berada di ruang yang gelap dan tumpuan ramai pengunjung memberi peluang kepada penjenayah untuk mengambil kesempatan untuk melakukan

aktiviti jenayah. Tambahan lagi, pelancong umumnya tidak mengetahui kadar jenayah sebenar yang berlaku di kawasan yang dikunjungi.

Dalam pada itu, kebimbangan pelancong terhadap kehilangan harta benda mereka semasa dalam acara hiburan juga menunjukkan nilai kebimbangan tertinggi seperti yang dilaporkan. Ketakutan terhadap jenayah adalah berkait dengan ketakutan peribadi seseorang terhadap keselamatan mereka yang berpotensi menjadi mangsa penjenayah. Kebimbangan terhadap berlakunya jenayah boleh menyebabkan ramai pelancong berasa terancam dan seterusnya kurang melawat ke lokasi sekitarnya yang berkemungkinan berlakunya jenayah (Fauziah, 2016). Dalam aspek keselamatan semasa acara hiburan, Barker et al. (2003) mendapati 19% pelancong yang mewakili responden telah mengubah tingkah laku mereka dengan cara tertentu yang bertujuan bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah. Keadaan ini juga telah menyebabkan pelancong itu sendiri perlu memikirkan dan mengambil langkah tambahan dalam aspek keselamatan agar lebih berwaspada dan memahami persekitaran kawasan yang dilawati terutama bagi pelancong antarabangsa yang tidak biasa dengan persekitaran baharu. Oleh yang demikian, kajian Barker ini menyimpulkan bahawa pengunjung yang hadir ke Auckland, New Zealand mempunyai tahap keselamatan yang baik semasa menyaksikan Piala Amerika. Sementara itu, kadar jenayah yang dilaporkan semasa berlangsungnya acara khas ini juga adalah rendah dan persepsi keselamatan bagi setiap kategori domestik dan antarabangsa juga merekodkan perbezaan dalam kalangan kumpulan pelancong. Pelancong antarabangsa lebih cenderung menjadi mangsa penjenayah berbanding pelancong domestik.

Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa apabila keselamatan pelancong atau pengunjung terjamin, maka bilangan kehadiran pelancong juga akan meningkat ketika acara hiburan berlangsung. Maka dengan itu, kajian-kajian berkenaan dengan status keselamatan ketika berlangsungnya acara hiburan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur seharusnya dipergiatkan lagi dan lebih berfokus kepada kajian di lapangan memandangkan masih kurang kajian yang mendalam terhadap perasaan pengunjung atau pelancong supaya pelan tindakan dapat digubal bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang selamat.

3. METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti sejauh manakah ruang pelancongan bandar dapat mempengaruhi perasaan tidak selamat pelancong terutama semasa acara hiburan iaitu Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 dan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang dilakukan di dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Acara ini telah membabitkan kedatangan sejumlah besar pelancong antarabangsa dan duta-duta negara luar ke Malaysia. Kemasukkan pelancong yang ramai ke Dataran Merdeka secara mendadak akibat acara ini akan menarik perhatian pihak-pihak tertentu untuk mengambil kesempatan. Perkara ini membuka peluang yang besar untuk

berlakunya jenayah dalam pelancongan seterusnya menimbulkan rasa takut dalam kalangan pelancong. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan temu bual separa berstruktur dan *photovoice* dengan pendekatan participatory action research (PAR). Pendekatan PAR membolehkan peserta kajian yang terdiri daripada pelancong domestik dan antarabangsa berupaya untuk membuat keputusan mengenai perasaan dan pandangan mereka terhadap ruang dan ketakutan semasa melancong di lokasi kajian.

Kaedah *photovoice* ini juga turut digunakan oleh Nika dan Brian (2014) dalam kajiannya yang menilai perancangan pelancongan di St. David's Peninsula, Wales melalui kaedah fotografi secara sukarela yang terdiri daripada pelancong tempatan dan antarabangsa. Melalui kajiannya ini mendapati, kaedah *photography* telah membawa kepada hasil data yang lebih kaya, data set yang lebih mendalam dan lebih berharga dengan penglibatan pelancong sebagai sukarelawan *photography*. *Photovoice* adalah pendekatan *Participatory Action Research* (PAR) yang membolehkan responden untuk memberikan data visual dalam bentuk gambar yang diambil sendiri untuk memberikan maklumat tentang isu keselamatan di lokasi pelancongan yang berlangsungnya acara hiburan. *Photovoice* berupaya mengkategori dan mengenal pasti bentuk ancaman untuk mengatasi, mengenalpasti jurang, dan akhirnya membangunkan strategi penyelesaian. Karya seni dan fotografi sering digunakan oleh pengkaji sains sosial dalam melengkapkan data penyelidikan (Emmison & Smith, 2000). Nika dan Brian (2014) ada menyebut bahawa, penggunaan data berbentuk visual ini sering diperdebatkan dalam bidang sains sosial yang dikatakan ianya lebih sesuai bagi kajian analisis kualitatif yang sering dianggap subjektif bagi sesetengah pengkaji. Kaedah fotografi sangat sesuai bagi merancang sektor pelancongan. Hal ini kerana, gambar menunjukkan sesuatu tentang diri individu, bagaimana seseorang pelancong melihat dan mentafsirkan dunia dan orang serta persekitarannya, yang akhirnya dapat menghubungkan makna serta tarikan di tempat itu sendiri (Haywood, 1990). *Photovoice* adalah satu kaedah berbentuk kreatif dan dihasilkan melalui penglibatan bersama pelancong yang mendedahkan realiti perjalanan, perasaan dan pengalaman mereka. Setiap gambar membawa aspirasi dan pandangan mereka tentang pengalaman sepanjang melakukan lawatan. Pengalaman yang ditunjukkan dalam bentuk visual yang membawa kepada pemahaman yang lebih jelas dan berkesan kepada pemegang taruh dalam sektor pelancongan. Terdapat beberapa kajian yang turut menggunakan kaedah ini dalam kajian mereka seperti (Mackay & Couldwell, 2002; Garrod, 2007; Naoiet al., 2011; Nika & Brian, 2014; Rafiza, 2015). Melalui kaedah *photovoice* ini, gambar yang diperolehi dapat menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan dapat membantu perancang perjalanan dan pereka bandar pelancongan serta pengurus destinasi dan pemasaran acara hiburan di kawasan pelancongan bandar berkaitan keperluan dan harapan pengunjung ke arah sebuah destinasi pelancongan bandar yang lebih selamat.

Creswell (1994) memberi definisi penyelidikan kualitatif sebagai satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan kepada

gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semulajadi. Temu bual telah melibatkan 22 orang pelancong domestik dan antarabangsa di Dataran Merdeka. Pemilihan pelancong dalam kajian ini dipilih berpandukan definisi kategori pelancong yang mana pelancong domestik dipilih berdasarkan perjalanannya yang melebihi 40 kilometer (KM) dari tempat tinggal dan tinggal di kawasan yang dilawati sekurang-kurangnya satu malam (Nurul Shahida, 2016). Manakala, pelancong antarabangsa dipilih berdasarkan tujuan perjalanan mereka seperti 1) *leisure* 2) rekreasi, hiburan, pendidikan 3) perniagaan (United Nation World Tourism Organization (UNWTO)). Bagi kaedah *photovoice*, daripada 22 orang peserta kajian yang ditemui. Hanya 3 orang peserta kajian sahaja yang bersetuju untuk menggunakan kaedah *photovoice*. Selebihnya, peserta kajian hanya terlibat dalam temu bual bersama pengkaji. Tiga gambar yang diambil telah memenuhi tema yang digunapakai dalam kajian ini. Memandangkan kajian ini melibatkan pelancong, maka sampel kajian telah dipilih terdiri daripada pelancong domestik dan antarabangsa dengan merujuk kepada definisi pelancong yang dikeluarkan oleh Kementerian pelancongan Seni dan Budaya.

Sementara itu, sampel kajian ini juga perlu menginap sekurang-kurangnya satu malam di Kuala Lumpur bagi memastikan mereka memahami dan mendalami persekitaran bandaraya Kuala Lumpur ini. Secara umumnya, purata bagi setiap temu bual memakan masa selama 30 minit bagi mengumpul semaksimum mungkin data daripada peserta kajian. Setiap peserta kajian akan dijelaskan terlebih dahulu prosedur penyelidikan dan seterusnya diberikan borang persetujuan untuk menjadi peserta kajian. Walau bagaimanapun, didapati temu bual separa berstruktur yang dijalankan ini tidak cukup *probing* (menyiasat) berikutan peserta kajian dilihat kurang selesa dengan persekitaran dan suasana tempat. Persekitaran kawasan yang bising dengan pembesar suara dari acara hiburan serta keadaan tempat yang padat dengan pengunjung menyebabkan peserta kajian kurang selesa dan terganggu untuk mengikuti proses temu bual ini. Hasil daripada temu bual tersebut telah disimpan dalam bentuk audio dan diari ringkas bagi menghormati privasi peserta kajian. Dapatan daripada temu bual dan *photovoice* telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS. ti. Data daripada temu bual dan *photovoice* ini telah dikeluarkan transkripnya melalui perisian ATLAS. ti. Selepas proses *coding* dijalankan, semua data telah dikodkan dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu. Data-data ini membawa kepada penentuan dan pengelasan terhadap perasaan takut pelancong semasa menghadiri acara hiburan di Kuala Lumpur.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Ruang yang Sesak

Selain daripada masalah pendatang asing yang memenuhi segenap ruang pelancongan bandar Kuala Lumpur, ada juga peserta kajian menyatakan kawasan yang terlalu ramai orang terutama ketika berlangsungnya acara hiburan peringkat nasional juga boleh memberikan rasa tidak selamat kepada seseorang individu. Dataran Merdeka, Kuala Lumpur sering kali dipilih sebagai lokasi wajib bagi meraikan beberapa acara tahunan negara seperti Malam Ambang Tahun Baharu, Sambutan Bulan Kebangsaan, Malam Citra Budaya dan sukan bertaraf antarabangsa di mana aktiviti tersebut turut diisi dengan pelbagai aktiviti hiburan hingga menarik ribuan pengunjung untuk datang menonton secara langsung termasuklah dari dalam dan luar negara. Stephen (2002) menyatakan, salah satu kaedah bagi mempromosikan bandaraya dan menarik kumpulan pelancong baharu ke dalam bandar tersebut adalah dengan menganjurkan acara tahunan dan menjadikan bandar tersebut sebagai tuan rumah. Oleh itu, wajarlah bandaraya Kuala Lumpur seringkali menjadi tumpuan pelancong dalam atau luar negara untuk datang melawat. Walaubagaimanapun, situasi ini sebenarnya memberikan rasa kurang senang bagi sesetengah pelancong seperti Taufiq dan Ismail yang menyifatkan kepadatan pengunjung memberi rasa tidak selamat kepada diri mereka berikutan perlu berasak-asak semasa dalam pergerakan. Jelas Ismail lagi, kawasan tumpuan ramai dengan bilangan pengunjung yang tinggi biasanya membuka peluang kepada penjenayah untuk mengambil kesempatan berikutan individu (pelancong) itu sendiri tidak menyedari perkara yang berlaku di sekelilingnya. Hal ini juga turut dijelaskan oleh seorang pemandu teksi bandar kepada Ismail agar lebih berhati-hati semasa berjalan. Pesanan ini jelas menunjukkan terdapat pelbagai risiko kepada pengunjung yang terdiri daripada pelancong semasa bersiar di Bandaraya Kuala Lumpur terutama semasa berlangsungnya acara hiburan.

Sementara itu, dapatan *photovoice* mendapati ruang pengunjung yang terlalu sempit dan sistem pencahayaan yang kurang memuaskan telah menyebabkan Lis merasa tidak selesa dan bimbang semasa berada di ruang tersebut. Tambahnya lagi, pengunjung yang terlalu ramai hingga menyebabkan kesesakan diruang yang sempit memberikan rasa tidak selesa kepada dirinya. Pelancong yang merasakan diri mereka dalam bahaya dan tidak selamat akan berusaha sebaik mungkin mencari ruang yang lebih selamat seperti yang dilakukan oleh Ulfa. Ulfa menjelaskan, lokasi tiang bendera dengan permukaan kedudukannya yang tinggi dan mempunyai anggota keselamatan yang berkawal menjadi tempat paling selamat bagi dirinya berbanding berada di kawasan ramai pengunjung yang memungkinkan diri beliau menjadi mangsa kepada penjenayah. Meskipun acara yang dikunjungi mempunyai tarikan tersendiri namun ia dirasakan tidak selamat semasa berkunjung, pelancong mungkin tidak akan datang semula kerana keselamatan adalah keutamaan bagi setiap individu. Jelas Nurin dan Faiz, (2019) sekiranya pelancong itu sedar tentang jenayah yang berlaku, mereka akan menanggung atau membatalkan rancangan mereka untuk melakukan perjalanan sekiranya mengetahui risiko yang mungkin berlaku.

Yasin: masa datang sini ada tak rasa takut ke..rasa kan kat sini ramai orang kan..ada tak rasa takut?

Taufiq: sebenarnya kita tak tahu seramai ini..so kita biasa je la..so bila datang sini tengok ramai orang ya allah takutnya..tak sangka macam ni sebenarnya sebab kita datang untuk ni je..program ni

Yasin: haa apa yang buat cik rasa takut?

Taufiq: sebab macam-macam orang kita jumpa kan

Ismail: Kalau tempat sekarang ni takde la takut..tapi bila tengok orang-orang sekeliling rasa macam..dia tak takut macam takut kita sorang-sorang tau..Cuma takut tengok terlalu ramai orang dan macam-macam orang

Yasin: tak pernah eh..okay..rasanyakan kita sebagai pengunjung dekat tempat-tempat yang kita tak familiar ni kan kita biasa dengar ada kes jenayah suka aim pengunjung-pengunjung?

Ismail: Sebab bila ramai orang,,dia orang boleh ambil peluang..macam tadi saya naik grab kan nak sampai ke lrt ..pakcik tu pesan jaga baik-baik beg sebab sini ramai orang..maksudnya bila ramai orang diorang akan ambil kesempatan..maksudnya kadang-kadang ada pakcik tu cerita hand bag tu kat bawah pun dia ambil..macam mana dia orang ambil pun tak tahu.



Foto 1: Tempat hiburan yang sesak dengan pengunjung dan gelap

Kalau saya ambil gambar yang nyanyi tu..sebenarnya saya takut..bukan takutla..saya gerun sebenarnya sebab yelah..konsert..sambut tahun baru tapi dengan macam tu kan..yang gambar kedua..ramai orang tu saya nak kata ramainya orang yang datang kesini untuk menyambut tahun baru dengan cara begini. (Lis)




Foto 2: Tiang bendera yang menjadi ruang selamat semasa acara hiburan

Saya rasa seronok... tapi saya jugak rasa takut sikit sebab tengok macam orang dekat depan sana tu (Berjoget). Saya rasa risau dengan diri saya tu yang saya duduk je dekat tangga ni. (Ulfa)

Keadaan ini juga telah dijelaskan oleh Ahmad Fitri et al. (2015) bahawa kawasan tumpuan ramai terutama di tempat yang sibuk memudahkan lagi urusan penjenayah untuk mengambil kesempatan. Tambahnya lagi, kawasan tumpuan ramai pelancong dengan aliran pengunjung yang tinggi juga berpotensi menyebabkan pelancong terlibat dengan kejadian jenayah rogol serta pembunuhan (Ahmad Fitri et al. 2015). Kenyataan ini turut dikukuhkan lagi oleh Fauziah (2016), kebimbangan terhadap berlakunya jenayah boleh menyebabkan ramai pelancong berasa terancam dan seterusnya kurang melawat ke lokasi sekitarnya yang berkemungkinan berlakunya jenayah. Sehubungan itu, keadaan ruang tapak hiburan yang padat serta keadaan ruang yang kurang pencahayaan telah menyebabkan individu pelancong itu sendiri berasa tidak selamat dan melihatnya sebagai satu ancaman. Perasaan tidak selamat ini akhirnya membawa kepada pembentukan perubahan kepada tindakan pelancong sama ada menjauhkan diri dari kawasan yang dikunjungi dengan mencari ruang yang lebih selamat atau terus membatalkannya. Anggota keselamatan seharusnya perlu memainkan peranan yang lebih dalam mengawasi kawasan tumpuan ramai pelancong terutama di kawasan yang terbuka.

Dalam pada itu juga Jamaliah menyatakan, kawasan pelancongan yang terlalu ramai pengunjung menyebabkan pengunjung lain sukar untuk melihat gerak geri setiap individu berbanding kawasan yang tidak mempunyai ramai pengunjung. Ini juga berkait rapat dengan situasi yang berlaku semasa acara hiburan sedang berlangsung apabila terdapat seorang kanak-kanak yang hilang. Jelas Ismail,

anggota keselamatan seharusnya melakukan rondaan dan tidak hanya sekadar memantau secara statik di pos kawalan. Tambah Ismail lagi, sekiranya anggota keselamatan membuat rondaan ia dapat memudahkan pelancong untuk mendapatkan sebarang bantuan semasa kecemasan.

Yasin: Perasaan takut tu ada tak kak?

Jamaliah: Takut mmmm ada jugak la. Sebab ramai orang macam ni kan. Kita mana tau apa orang nak buat. So kena berhati-hati jugak la.

Yasin: Polis.

Yes. Mereka Cuma berdiri je dekat sini. Macam tadi berapa kali ada

Ismail: Pengumuman cakap ada budak hilang kan. Kamu bayangkan kalau dorang itu ada di tengah-tengah sana. Mesti orang boleh dapatkan bantuan dorang dengan cepat berbanding dorang disini ja

Yasin: Ohhhhhh betul juga ya.

Ya. Macam itulah saya masa kena dekat pasar. Kalau RELA itu berjalan memang mudah saya nak dapatkan Ismail: Bantuan. Ini saya pula kena cari dorang.

Keadaan ini menggambarkan pelbagai kemungkinan boleh berlaku terutama kepada pelancong itu sendiri termasuklah penyeluk saku, gangguan seksual atau penculikan terutama yang melibatkan kanak-kanak. Perkara yang paling dibimbangi oleh pelancong dan orang awam adalah penculikan dan kehilangan yang membabitkan kanak-kanak. Sejumlah besar pelancong ke acara hiburan dapat membangkitkan suasana yang menjadikan pelancong tersebut sebagai peluang menjadi mangsa jenayah. Ketakutan terhadap jenayah boleh menghalang tingkah laku dan gaya hidup seseorang dan mendorong tingkah laku *defensive* untuk memastikan pelancong lebih berwaspada terhadap masalah jenayah di sekitarnya (Barker & Page, 2002). Suasana persekitaran kawasan yang dipenuhi ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa bakal mewujudkan pelbagai kebarangkalian yang boleh berlaku membabitkan pelancong. Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Michael dan Stephen (2002) kehadiran pelancong ke sesebuah acara dapat mewujudkan suasana yang menumpukan pelancong dan peluang pelancong menjadi mangsa kepada jenayah. Keselamatan adalah komponen penting di semua destinasi pelancongan yang merangkumi jaringan pengangkutan, taman rekreasi, restoran, bilik rehat, hotel, pusat beli belah atau pusat keagamaan (Tanet al., 2017). Oleh itu, keselamatan kawasan dan pengunjung yang menghuni di pusat pelancongan bandar perlu dipertimbangkan dalam memastikan pelancong dan juga penduduk tempatan selamat walau di mana mereka pergi (Nurin Uzma Eizzaty & Faiz Izwan, 2019).

4.2 Laluan Pejalan Kaki yang Gelap

Laluan pejalan kaki ditakrifkan sebagai mod pengangkutan yang selamat, bersambung, mudah diakses dan menyenangkan pengguna (Steve, 2005; Shamsuddinet al., 2012; Norsidah & Zulkifli, 2014). Sebilangan pelancong gemar memilih untuk berjalan kaki berbanding menggunakan pengangkutan awam. Berjalan kaki dikatakan mampu memberi kepuasan kepada sesetengah individu pelancong bagi merasai pengalaman yang lebih baik. Lis menjelaskan, kawasan laluan yang gelap dan kurang pencahayaan boleh mewujudkan rasa tidak selamat pelancong semasa menggunakannya.

Lis: Ohhh kalau itu rasanya enggak ada kalau disini. Tapi kalau malam itu emang disini kiranya perlu hati-hati. Soalnya semalam kan lagi konsert, aku juga kemari. Di sini gelap sekali tempatnya

Yasin: Ohhhh jadi kakak rasa takut semalam?

Lis: Ya takut juga. Tapi aku kan sama teman-teman. Jadi enggak juga terlalu takut.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Fauziah, (2021) bahawa jalan yang gelap dan sunyi berpotensi tinggi untuk berlakunya kegiatan jenayah dan masalah keganasan melibatkan pelancong. Hal ini dikukuhkan lagi oleh Norsidah (2014) bahawa Lembah Klang bukanlah sebuah bandar yang mesra pejalan kaki pada masa kini kerana tidak mempunyai reka bentuk yang cekap, penyelenggaraan yang lemah, darjah ketersampaian dan perhubungan yang rendah. Jelasnya lagi, laluan pejalan kaki seharusnya menjadi daya tarikan bagi pelancong untuk merasai pengalaman di tempat yang dilawati. Tambahan pula, kawasan yang kurang pencahayaan ini kebiasannya memberi gambaran terhadap persekitaran tempat yang sunyi seperti yang dinyatakan oleh Lis. Isu keselamatan yang terhasil daripada kegiatan jenayah adalah perkara biasa di kebanyakan kawasan pelancongan bandar. Oleh itu, pengalaman buruk semasa menggunakan laluan pejalan kaki boleh mempengaruhi persepsi dan kepuasan pengunjung di kawasan tarikan pelancong.

4.3 Kewujudan manusia yang dilihat asing dan memberi ancaman

Persekitaran tempat dilihat memainkan peranan penting dalam mewujudkan perasaan selamat pelancong semasa berkunjung ke destinasi pelancongan bandar. Ini termasuklah pengusaha pengangkutan awam itu sendiri yang juga perlu bersama memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengguna. Pengusaha pengangkutan awam harus menitik beratkan soal kebersihan dan kekemasan kenderaan dalam menjamin keselesaan pelancong semasa menggunakan perkhidmatan, ini dijelaskan oleh Ulfa. Dalam pada itu, pengusaha pengangkutan awam bandar perlu bersikap amanah dengan menggunakan meter perjalanan dan tambang yang sah mengikut perjalanan pengguna. Penipuan harga tambang yang sering kali dikaitkan dengan pelancong telah memberikan rasa keterancaman kepada diri Ulfa. Beliau menjelaskan, pengalaman menggunakan perkhidmatan teksi bandar tanpa menggunakan sistem

meter dan meletakkan harga yang tidak tepat telah menyebabkan kerugian dan trauma kepada diri beliau untuk menggunakan perkhidmatan tersebut. Sementara itu, peserta kajian Taufiq menyifatkan ruang acara hiburan yang dipenuhi dengan orang asing juga boleh memberikan rasa tidak selamat kepada dirinya. Hal ini ditambah lagi dengan keadaan ruang yang tidak mempunyai ciri keselamatan fizikal yang baik.

Ulfa: Ya enggak ada la semuanya bagus-bagus aja... lagi juga kalau disini itu banyaknya orang yang sama kayak kita kn. Muslim juga ramai gitu. Tapi kalau tadi kita kan naik teksi itu kayaknya kurang bagus... apa namanya orang India itu lihatnya kotor, enggak bersih bajunya. Kakinya juga kotor... jadi kita takut ... lagi pula sering ditipu-tipu kan. Malahan dekat aja... tapi ongkosnya gini.



Foto 3: Keadaan kawasan hiburan yang gelap dan takut takut dengan manusia yang dilihat asing

Yasin: haa mana-mana lah ...ciri-ciri yang macam mana yang membuatkan kawasan tu awak rasa takut?

mungkin kawasan tu dia macam gelap, sunyi and then kawasan tu tempat-tempat orang yang..yela buat benda-benda yang tak baik..jadi takut la kalau ada orang-orang yang macam orang asing ..takut la dengan diorang (Taufiq)

Kajian baru-baru ini juga mendapati bahawa, sebilangan besar pemandu teksi di Malaysia akan membawa pengguna dengan melalui jalan yang jauh serta mengenakan tambang yang tinggi (Tanet al., 2017). Jelasnya lagi, terdapat juga pemandu teksi tempatan yang terlibat dengan masalah jenayah terhadap pelancong asing dan tempatan. Kebimbangan terhadap jenayah, ketakutan menjadi mangsa penipuan kewangan, rompak dan penculikan akan menghalang pelancong untuk

perjalanan ke beberapa destinasi. Pengusaha pengangkutan awam seharusnya lebih bersikap terbuka dan jujur semasa menyampaikan perkhidmatan. Pengusaha pengangkutan awam khususnya di kawasan bandar bertindak menjadi duta kecil kepada sektor pelancongan bandar dan perlu mempamerkan imej yang baik kepada pelancong.

Berdasarkan dapatan kajian, Ismail menjelaskan waktu malam di Kuala Lumpur juga tidak sesuai untuk melakukan lawatan berikutan timbulnya rasa tidak selamat untuk keluar bersiar di kawasan bandar pada waktu tersebut. Kebimbangan ini berkait rapat dengan faktor fizikal ruang kawasan pelancongan itu sendiri atau faktor sosialnya. Waktu malam Ismail hanya diisi dengan tinggal di dalam ruang bilik hotel sahaja sedangkan, waktu malam antara waktu paling menarik yang boleh dinikmati oleh pelancong semasa bersiar di Kuala Lumpur seperti bangunan pencakar langit yang dipenuhi lampu LED, sistem terusan sungai berkabus atau lebih dikenali sebagai *River of Life* dan terkini Pintasan Saloma. Namun, atas rasa kurang selamat ini peserta kajian tidak dapat menikmati keunikan bandaraya Kuala Lumpur pada waktu malam.

Yasin: kenapa tak pernah?

Ismail: Tak dikasi jugak. Abis lepastu tak dikasi jugak. Nak keluar pun malam-malam takut tak tahu jugak... takut tutup takut apa orang enggak bisa ditanya kan. Bukit Bintang itu sedikit seram lorgh... lagi banyak juga pengemis minta-minta itu apa namanya?

Yasin: gelandangan

Ismail: Ya itulah... terus orang crazy people lah... orang gila-gila itu yang duduk itu erghhh ada jugak disini ... Tak sangka di Malaysia juga ada yang kek gitu Kalau ikutkan Malaysia kan lebih bagus kan. Sampah apa macam enggak macet jugak kan. Kalau di Indonesia

kan macet... kalau di Jakarta kan banjir.

Dapatan ini juga selaras dengan hasil dapatan yang diperoleh Michael dan Stephen (2002) bahawa 93% pelancong berasa diri mereka selamat pada waktu siang, namun persepsi ini menurun kepada 56% pelancong sahaja yang merasakan diri mereka selamat pada waktu tersebut. Tambahnya lagi, penurunan persepsi keselamatan ini jelas dikuasai oleh pelancong wanita. Sementara itu, dapatan kajian Ahmad Fitri et. al (2015) juga menunjukkan perkaitan masa dan waktu lawatan dimana, 99% responden dalam kajiannya berpendapat berjalan di Kuala Lumpur pada waktu siang adalah sangat selamat dan hanya 15% pelancong sahaja merasakan bersiar pada waktu malam di bandaraya Kuala Lumpur adalah selamat. Dalam pada itu, pengkaji Maria Bras (2015) dalam kajiannya "*tourist and crime - why tourist become victims*" mendapati hubungan antara jenayah dan pemilihan waktu melancong adalah saling berkaitan. Oleh yang demikian, tindakan peserta kajian untuk tinggal di bilik penginapan dilihat sebagai salah satu langkah bagi melindungi diri dari sebarang ancaman sekiranya keluar bersiar di bandaraya Kuala

Lumpur pada waktu malam. Jelas Nurin dan Faiz (2019), walaupun kawasan yang dilawati mempunyai struktur bangunan yang unik dan menarik namun, sekiranya ia tidak selamat dikunjungi oleh pelancong, maka pelancong tidak akan datang ke tempat tersebut kerana keselamatan adalah keutamaan bagi setiap individu.

Sesetengah destinasi pelancongan bandar mempunyai persepsi keselamatan yang berbeza dalam kalangan pelancong (Milman & Bach, 1999). Pelancong yang datang berkunjung ke destinasi pelancongan bandar Kuala Lumpur semasa acara hiburan perlu peka terhadap ruang dan masa yang berbahaya bagi mengelakkan diri mereka dijadikan mangsa jenayah. Acara hiburan seringkali membabitkan waktu yang panjang hingga ke lewat malam dan membolehkan setiap pelancong yang hadir akan terdedah kepada situasi yang berbahaya. Berdasarkan dapatan *photovoice* Taufiq menyatakan, ruang yang gelap, sunyi dan mempunyai kegiatan sosial yang tinggi adalah tempat yang paling berbahaya kepada dirinya. Persekitaran bandaraya Kuala Lumpur sering kali dilihat mempunyai masalah sosial sama ada membabitkan lumba motorsikal, lepak, vandalisme mahupun gelandangan serta peniaga haram. Pelancong akan cuba mengelakkan ruang sebegini terutama pada waktu malam. Sementara itu juga, Lis menjelaskan acara sambutan Ambang Tahun Baharu dengan ribuan pengunjung yang datang dari dalam dan luar negara memberikan rasa tidak senang kepada dirinya.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ketakutan pelancong semasa acara hiburan adalah untuk memahami perasaan takut pelancong semasa berada di ruang pelancongan bandar Kuala Lumpur yang menjadi destinasi penganjuran acara hiburan Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 dan Tahun Melawat Malaysia 2020. Penemuan penting dalam kajian ini menunjukkan keseimbangan permasalahan yang dipengaruhi oleh faktor fizikal dan sosial di kawasan penganjuran acara hiburan yang telah memberi rasa takut kepada pelancong iaitu ruang yang sesak, laluan pejalan kaki yang gelap dan kewujudan manusia yang dilihat asing dan memberi ancaman. Keadaan ini telah menyebabkan pelancong itu sendiri mengelakkan diri dari berada di kawasan risiko yang memberi rasa tidak selamat kerana kebimbangan yang paling ditakuti pelancong adalah di kawasan tumpuan ramai. Hal ini turut dipengaruhi oleh peranan anggota polis dan pasukan pemantau keselamatan lain yang hanya tertumpu secara 'statik' di pondok keselamatan dan tidak melibatkan pemantauan dan rondaan menyeluruh sekaligus menyebabkan usaha untuk mewujudkan perasaan selamat dalam diri setiap pelancong yang hadir tidak berkesan. Anggota keselamatan boleh ditempatkan di kawasan persekitaran acara agar pelancong lebih yakin terhadap keselamatan diri mereka dan mudah untuk mereka menerima bantuan awal sekiranya berhadapan dengan permasalahan.

Ketakutan pelancong semasa berlangsungnya acara hiburan ini juga dipengaruhi oleh imej fizikal dan sosial ruang yang tidak menyenangkan. Persepsi

pelancong semasa berada di ruang gelap dan sesak dengan pengunjung yang berpotensi menjadi mangsa rogol, penyeluk saku, serangan seksual dan samun menyebabkan mereka berasa takut untuk berada di ruang sebegini. Tambahan pula, acara yang dilangsungkan adalah pada waktu malam dan membabitkan ribuan pengunjung dengan pelbagai latar belakang dan kurangnya fasiliti keselamatan yang disediakan. Penglibatan warga asing dan kepelbagaian latar belakang masyarakat yang hadir mengunjungi acara hiburan ini turut mempengaruhi perasaan tidak senang pelancong. Justeru, pelancong lebih berasa takut untuk berada di ruang sebegini dan langkah untuk mengelakkan diri dari berada di ruang tersebut adalah tindakan terbaik yang dibuat oleh individu pelancong itu sendiri. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa ketakutan pelancong semasa acara hiburan bukan sahaja dipengaruhi oleh masalah jenayah. Keadaan fizikal dan sosial tempat acara hiburan seperti persekitaran ruang yang kurang pencahayaan dan gelap, sesak dengan pengunjung, kehadiran manusia yang dilihat asing dan memberi ancaman serta kurangnya penekanan soal keselamatan juga telah menyebabkan ketakutan kepada pelancong. Aspek keselamatan adalah isu yang perlu diberi penekanan oleh pelbagai pihak terutama pihak penganjur dan perkhidmatan pelancongan. Langkah keselamatan dan kaedah mengatasinya perlu dilakukan dengan lebih proaktif dan konsisten agar perasaan selamat semasa melancong dan berada di acara hiburan dapat diwujudkan. Dalam konteks penyelidikan tentang ketakutan dan keselamatan pelancong semasa acara hiburan di negara ini didapati masih terbatas dan kurang dilakukan. Justeru, kajian lanjutan yang disyorkan adalah penelitian daripada aspek pengadaptasian terhadap jenayah dalam konteks pelancongan bandar di Malaysia.

6. Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS: 2019-0024-106-02). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana membiayai dana penyelidikan ini.

Rujukan

- Ahmad Fitri, A., Ammar, A. G., Salamiah, A., J., & Khairun, N. A. (2015). Sustainable tourism development: A study on community resilience for rural tourism in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 168, 116-122.
- Ahmad Fitri, A., Mohd Noor Ismawi, I. & Toh Poh See. (2015). Sustainable Tourist Environment: Perception of international women travelers on safety and security in Kuala Lumpur. Dalam *Prosiding Asia Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies Sirius Business Park Berlin-yard field, Berlin, 24-26 February 2014*.

- Amir, A. F., Ismail, M. N. I., & See, T. P. (2015). Sustainable tourist environment: Perception of international women travelers on safety and security in Kuala Lumpur. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 168, 123-133.
- Arinah, R., Yunus, M. Y. M., Md Azree Othman Mydin, Nor Kalsum Mohd Isa, Noor Fazamimah Mohd Ariffin & Nor Atiah Ismail (2015). Building the safe city planning concept: An analysis of preceding studies. *Jurnal Teknologi*, 75(9), 95-100.
- Balomenou, N., & Garrod, B. (2014). Using volunteer-employed photography to inform tourism planning decisions: A study of St David's Peninsula, Wales. *Tourism Management*, 44, 126-139.
- Barker, M., & Page, S. J. (2002). Visitor safety in urban tourism environments: the case of Auckland, New Zealand. *Cities*, 19(4), 273-282.
- Barker, M., Page, S. J., & Meyer, D. (2003). Urban visitor perceptions of safety during a special event. *Journal of Travel Research*, 41(4), 355-361.
- Boakye, D.H. (2012). Tourists' views on safety and vulnerability. A study of some selected towns in Ghana. *Tourism Management*, 33, 327-33.
- Chiu, S. P., & Lin, S. Y. (2011). Study on risk perceptions of international tourists in India. *African Journal of Business Management*, 5(7), 2742-2752.
- Cucu, L. A., Ciocănea, C. M., & Onose, D. A. (2011, September). Distribution of Urban Green Spaces-an Indicator of Topophobia-Topophilia of Urban Residential Neighborhoods. Case Study of 5 th District of Bucharest, Romania. *Forum geografic. Studii și cercetări de geografie și protecția mediului*, 10(2), 276-286.
- Donaldson, R., Ferreira, S. (2009). (Re-)creating Urban Destination Image: Opinions of Foreign Visitors to South Africa on Safety and Security?. *Urban Forum* 20, 1-18. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.1007/s12132-009-9053-1>
- Emmison, M., & Smith, P. (2007). *Current trends in visual research*. London: Sage.
- Evans, D., Fyfe, N., & Herbert, D. (Eds.). (2002). *Crime, policing and place: Essays in environmental criminology*. New York: Routledge.
- Fauziah, C. L. (2016). Urban tourism and the issues of security and safety: a case study of Kuala Lumpur international tourists. *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 110-122.
- Fauziah, C. L., Norimah, R., Baharuddin, O. ., & Muhamamd, Y. H. A. (2021). Indicators For Safe Urban Tourism. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(3), 257-266.
- Garrod, B. (2007). A snapshot into the past: The utility of volunteer-employed photography in planning and managing heritage tourism. *Journal of Heritage Tourism*, 2(1), 14-35.
- George, R. (2003). Tourist's perceptions of safety and security while visiting Cape Town. *Tourism management*, 24(5), 575-585.
- Haywood, K. M. (1990). Visitor-employed photography: An urban visit assessment. *Journal of Travel Research*, 29(1), 25-29.
- Herbert, S., & Brown, E. (2006). Conceptions of space and crime in the punitive neoliberal city. *Antipode*, 38(4), 755-777. Diperoleh daripada

- <https://www.tourism.gov.my/media/view/sektor-pelancongan-me...>
- Ifsec Global. (2014). *Greater KL Targets Safe City Top 20 by 2020*. Diperoleh daripada http://www.investkl.gov.my/relevant_news@Greater_KL_targets_Safe_City_Top_20_by_2020.aspx. January 27, 2021.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Siaran Akhbar Statistik Jenayah 2019*. Diperoleh daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OWZSTkRPbGxwREpFbjRjZ2w1OUVGUT09>
- Jeyaul, H. (2017). *Safe City Programme and Urban Tourism: A Case Study in Putrajaya*. Project Paper.
- Lim, S.B., Yong, C. K., Zurinah, T., & Jalaluddin, A.M. (2020). Perbandingan wacana dunia dan local bagi status keselamatan bandar Kuala Lumpur. *eProsiding Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia 9SKIMXVI*, 5 Mei 2020. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/skim/wp-content/uploads/2020/05/Lim-Seng-Boon.pdf>.
- Lisowska, A. (2017). Crime in tourism destinations: Research review. *Turyzm*, 27(1), 31-39.
- MacKay, K. J., & Couldwell, C. M. (2004). Using visitor-employed photography to investigate destination image. *Journal of Travel Research*, 42(4), 390-396.
- Maria, B. (2015). Tourism and crime- why tourist become victims. Security & Tourism: Local policies and practices conference, the Maison de L'Europe – European Union, Paris, 25th June 2015.
- Maruthaveeran, S. (2010). Establishing performance indicators from the user perspective as tools to evaluate the safety aspects of urban parks in Kuala Lumpur. *Pertanika J. Soc. Sci & Hum*, 18(2), 199-207.
- Mataković, H., & Cunjak Mataković, I. (2019). The impact of crime on security in tourism. *Security and Defence Quarterly*, 27(5), 1-20.
- Michalko, G. (2004). Tourism eclipsed by crime: The vulnerability of foreign tourists in Hungary. *Journal of Travel & Tourism Marketing*, 15(2-3), 159-172.
- Modly, A. R. (2009). Geography of fear: understanding students' sense of place. *Chrestomathy*, 8, 115-146.
- Mohamad, K. R., & Hairul, N. R. (2014). *Konsep Pelancongan Bandar Lestari di Malaysia*. Sustainable Cities: Prosiding Kolokium Kejuruteraan Awam 2014, Politeknik Malaysia, 10 Mac 2014.
- Naoi, T., Yamada, T., Iijima, S., & Kumazawa, T. (2011). Applying the caption evaluation method to studies of visitors' evaluation of historical districts. *Tourism Management*, 32(5), 1061-1074.
- Norsidah, U., & Zulkifli, M. (2014). Walkability and attachment to tourism places in the city of Kuala Lumpur, Malaysia. *Athens Journal of Tourism*, 2(1), 53-65.
- Nurin Uzma, E. N. E., & Faiz, I. A. (2020). The safe city programme strategies and sustainability in urban tourism environment. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)*, 12(1), 1-8.
- Rafiza, M. (2015). *Gelandangan Antara Tret Personaliti dan Religiositi*. ITBM

- Safearound.com. (2019). *Sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM86.14 Bilion kepada ekonomi Malaysia dengan ketibaan 26.1 juta pelancong pada tahun 2019*. Diperoleh daripada 20 Januari, 2020. Diperoleh daripada <https://safearound.com/asia/malaysia/kuala-lumpur>
- Shawaliah, H. (2021). *26 warga tempatan terlibat kesalahan jenayah, dadah dan alkohol*. Malaysia Gazette, 1 Januari 2021. Diperoleh daripada <https://malaysiagazette.com/2021/01/01/26-warga-tempatan-terlibat-kesalahan-jenayah-dadah-dan-alkohol/>
- Shuhana, S., & Natasha, A. H. (2016). Awareness by Kuala Lumpur city hall staffs for successful implementation of crime prevention through environmental design (CPTED). *Planning Malaysia*, 11(3), 41-58
- Siti, S. B. (2018). Tourist Perception Towards Kota Klias, Beaufort, Sabah As A Tourism Destination. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 66-75.
- Steve, A. (2005). *Walkability Scoping Paper*. Diperoleh daripada http://www.levelofservice.com/walkability_research.pdf. (January 20, 2012)
- Tan, C. H., Chong, X. W., & Ho, S. B. (2017). Significance of safety and security issues on tourism industry in Malaysia. *Sci.Int.(Lahore)*, 29(2), 471-475.
- The Economist Intelligence Unit (EIU). (2021). *Safe Cities Index 2021*. Diperoleh daripada <https://safecities.economist.com/>
- Euromonitor Internation. (2018). *Top 100 City destinations*. Diperoleh daripada https://go.euromonitor.com/white-paper-travel-2018-100-cities.html?utm_source=blog&utm_medium=blog&utm_campaign=CT_WP_18_12_04_10
- Wan Shawaluddin, W. H., dan Ramli, D. (2008). Isu-Isu Keselamatan Sabah Dan Impak Kepada Malaysia (Issues In Sabah Security and Its Impact To Malaysia). *Jati-Journal Of Southeast Asian Studies*, 13, 49-68.
- Wilson, E., & Little, D. E. (2008). The solo female travel experience: Exploring the 'geography of women's fear'. *Current Issues in Tourism*, 11(2), 167-186.
- Yüksel, A., & Yüksel, F. (2007). Shopping risk perceptions: Effects on tourists' emotions, satisfaction and expressed loyalty intentions. *Tourism Management*, 28(3), 703-713.
- Zuriatunfadziah, S., Noraziah, A., & Shahrudin, I. (2013). Topophobia wanita dan hubungannya dengan kejadian jenayah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2), 93-110., 41-48.